

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
Sept.
2011
2½ jam

NO. KAD PENGENALAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN PERLIS

SEJARAH

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan Bahagian B.*


Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]

Jawab semua soalan.

1.



(a) Nyatakan **dua** bentuk sistem politik yang muncul kesan daripada peningkatan tamadun manusia.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Senaraikan dua sumbangan tamadun China dalam bidang pertanian ?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Berikan ciri-ciri pendidikan dalam tamadun India.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Apakah tujuan pembinaan monumen dalam tamadun Yunani ?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda dapat memberi sumbangan untuk melonjakkan nama negara Malaysia di mata dunia ?

(i)

(ii)

[2 markah]

2

Undang-undang berhubung dengan pemilikan tanah telah diperkenalkan demi meneruskan penguasaan kerajaan penjajah British terhadap ekonomi Tanah Melayu

(a) Berikan dua sistem pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu sebelum kedatangan British.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** perubahan sistem pemilikan dan penggunaan tanah di Tanah Melayu yang diperkenalkan oleh pihak British.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Mengapakah pihak British memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu pada tahun 1913?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Apakah kesan terhadap orang Melayu hasil pelaksanaan Akta Tanah Simpanan Melayu 1913?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah kita dapat mengatasi masalah tanah terbiar di negara ini ?


(i)

(ii)

[2 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

3



Rajah di atas merujuk kepada pembentukan Malaysia 1963.

(a) Berikan **dua** peranan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum dalam pembentukan Malaysia.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Apakah tujuan penubuhan Suruhanjaya Cobbold.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan hasil tinjauan suruhanjaya tersebut ke atas Sarawak dan Sabah.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Kemukakan **dua** cadangan Suruhanjaya Cobbold berkaitan dengan penubuhan Malaysia.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pembentukan Malaysia telah mewujudkan kepelbagaian budaya dan etnik di negara ini. Sebagai pelajar, bagaimanakah anda dapat meningkatkan kefahaman tentang kepelbagaian budaya dan etnik tersebut ?

(i).....

(ii).....

[2 markah]

4. Laporan Rahman Talib 1960 dan Jawatankuasa Kabinet 1974 telah memberi sumbangan dalam pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjurus kepada pemupukan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini.

(a) Nyatakan **dua** syor baru yang dikemukakan oleh Laporan Rahman Talib 1960 untuk memupuk perpaduan kaum.

.....
.....

[2 markah]

(b) Senaraikan **dua** cadangan yang dikemukakan dalam Laporan Rahman Talib 1960.

(i)
(ii)

[2 markah]

(c) Apakah objektif penubuhan Jawatankuasa Kabinet 1974 ?

(i)

[1 markah]

(d) Tuliskan **dua** kandungan laporan Jawatankuasa Kabinet 1974.

(i)
(ii)

[2 markah]

(e) Sebagai warganegara yang prihatin, bagaimanakah anda dapat menjayakan konsep 'Satu Malaysia' yang diwar-warkan oleh kerajaan ?

(i).....
(ii).....
(iii).....

[3 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Sebelum kedatangan pengaruh kebudayaan India, masyarakat Asia Tenggara secara umumnya telah mengembangkan budaya sendiri semenjak dari Zaman Logam lagi.
- (a) Huraikan cara-cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara. [5 markah]
- (b) Jelaskan pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan di Asia Tenggara. [10 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah kita dapat mengekalkan keharmonian rakyat negara kita ? [5 markah]
- 6 Perjanjian Hudaibiyah pada tahun 628 M telah menjadi perintis ke arah pembukaan semula kota Makkah.
- (a) Jelaskan sebab - sebab pembukaan semula kota Makkah oleh Nabi Muhammad s.a.w.. [6 markah]
- (b) Nyatakan kepentingan pembukaan semula kota Makkah. [10 markah]
- (c) Apakah sumbangan yang boleh anda berikan untuk mengekalkan keharmonian kaum di negara kita ? [4 markah]
- 7 Penguasaan Sepanyol terhadap Filipina telah meninggalkan kesan yang sangat besar ke atas negara tersebut.
- (a) Terangkan bentuk pentadbiran yang dilaksanakan oleh Sepanyol di Filipina. [6 markah]
- (b) Bincangkan perjuangan nasionalisme di Filipina. [10 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah iktibar yang boleh dipelajari daripada gerakan nasionalisme di Asia Tenggara ? [4 markah]

SULIT**7****1249/2**

- 8 Malayan Union merupakan usaha British untuk menghapuskan negara dan bangsa yang telah dibina sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- (a) Mengapakah Malayan Union ditentang oleh orang Melayu ? [8 markah]
- (b) Jelaskan bentuk bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union. [8 markah]
- (c) Sebagai seorang rakyat Malaysia, apakah langkah yang boleh anda ambil untuk memastikan keselamatan negara terjamin ? [4 markah]
- 9 Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua telah meninggalkan kesan besar terhadap sejarah dunia.
- (a) Huraikan faktor-faktor teretusnya Perang Dunia Pertama. [8 markah]
- (b) Kebuntuan dalam siri rundingan selepas Perang Dunia Kedua telah membawa kepada kemunculan blok dunia dan Perang Dingin.
Apakah yang anda faham tentang :
- i) Blok Dunia [4 markah]
- ii) Perang Dingin [4 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan berlakunya konflik antarabangsa ? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT